

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Kenaikan caj elektrik beri kesan minimum pada inflasi

Kenaikan caj elektrik beri kesan minimum pada inflasi

Kenaikan kadar caj elektrik dalam kalangan pengguna volum tinggi pada separuh kedua tahun ini dijangka hanya memberi kesan yang minimum pada indeks inflasi utama tahun ini.

Menurut TA Securities dalam nota penyelidikannya mengenai ekonomi Malaysia baru-baru ini, ia boleh dikaitkan dengan fakta bahawa 99 peratus pengguna di Malaysia menggunakan 1,500 kilowatt/jam (kW) atau kurang.

"Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad sebelum ini berkata, kira-kira 83,000 pengguna atau hanya satu peratus daripada pengguna domestik, akan menghadapi peningkatan

sebanyak RM187 atau 25 peratus dalam bil elektrik bulanan mereka.

"Perlu diperhatikan bahawa sub segmen elektrik menyumbang hanya 2.7 peratus kepada keseluruhan indeks harga pengguna (IHP)," katanya.

Firman penyelidikan itu juga menjangkakan inflasi utama kekal terkawal pada 2023, menunjukkan penyederhanaan daripada paras kemuncaknya sebanyak 4.7 peratus tahun ke tahun yang diperhatikan pada Ogos 2022.


"Pada masa ini, jangkaan kami untuk inflasi utama pada 2023 berada pada 3.0 peratus berbanding unjuran Kementerian Kewangan/Bank Negara Malay-

sia (BNM) antara 2.8 peratus-3.8 peratus tahun ke tahun, mencerminkan prospek pertumbuhan ekonomi yang lemah dan harga komoditi yang stabil," katanya.

Prospek pertumbuhan negara

Tambahnya, walaupun teras IHP kekal melekit pada 3.8 peratus YTD, pihaknya masih menjangkakan akan tiada lagi penaikan kadar faedah pada tahun ini.

"Ini berikutan kami percaya bahawa bank pusat harus mengambil kira prospek pertumbuhan negara. Pertimbangan ini adalah penting kerana ia boleh memberi kesan kepada tabiat memberi kesan kepada tabiat berbelanja rakyat Malaysia, yang seterusnya menyumbang



Sub segmen elektrik menyumbang 2.7 peratus kepada keseluruhan IHP.

(Foto ilustrasi)

ketara, pada kadar melebihi 60 peratus, kepada keseluruhan ekonomi.

"Tambahan pula, tekanan yang berpuncak dari negara Jiran, seperti Filipina dan Indonesia, agak berkurangan kerana mereka baru-baru ini memutuskan untuk menghentikan sementara pengetatan dasar monetari mereka.

"Akibatnya, ini mengurang-

kan tekanan luaran yang juga boleh menyumbang kepada pernilaian bahawa tiada lagi kenaikan kadar akan berlaku di Malaysia. Walaupun benar bahawa AS mungkin menaikkan kadar faedahnya sekurang-kurangnya dua kali lagi, kami memegang kepercayaan bahawa tindakan sedemikian menandakan pengakhiran kepada dasar pengetatannya," katanya.